



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PEMAKLUMAN AWAM : AWARD PERTAMA TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL (TAGS)

Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) bertempat di KPWK M, Putrajaya telah mengeluarkan award bagi aduan pertamanya melibatkan gangguan seksual secara fizikal oleh seorang majikan (lelaki) terhadap pekerjaanya (wanita).

Setelah mempertimbangkan keterangan dan bukti yang dikemukakan, TAGS mendapati bahawa pengadu telah berjaya membuktikan bahawa responden telah melakukan gangguan seksual ke atasnya. Justeru, TAGS memerintahkan responden untuk membuat pernyataan permohonan maaf sebagaimana yang telah dipohon oleh pengadu.

Award ini dikeluarkan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pertama pendengaran iaitu pada 23 Mei 2024, selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 19(1) Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840].

TAGS menyediakan satu saluran alternatif kepada mahkamah sivil untuk mengendalikan aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos yang minimum.

Mangsa gangguan seksual diseru untuk tampil membuat aduan di kaunter Tribunal bagi Antigangguan Seksual, KPWK M Putrajaya atau menghubungi Talian Kasih 15999 untuk sebarang pertanyaan.

####

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

12 JULAI 2024